

# MALAM PENDIDIKAN 2010

Malam Pendidikan 2010 telah berlangsung pada 5 April 2010 bertempat di Putera Ballroom, Taman Tun Fuad Kota Kinabalu. Majlis tahunan anjuran Persatuan Mahasiswa/i SPPS ini turut dihadiri Dekan, Prof. Madya Dr. Mohd Yusof Abdullah, timbalan dekan, pensyarah, kakitangan pentadbiran dan pelajar SPPS. Objektif utama majlis tersebut ialah untuk menghargai pencapaian cemerlang pelajar

SPPS dalam pelbagai bidang khususnya akademik dan kurikulum. Pelbagai acara disusun termasuk penyampaian Anugerah Dekan, Anugerah Pelajar Terbaik Program, cabutan bertuah dan persembahan kebudayaan. Turut hadir pada malam tersebut ialah Pengetua Kanan, En. Loh Kok Chang dan rombongan guru dan murid SMK Tebbon Kota Kinabalu.

